

قیتیقین

PETIKAN TITAH

"UGAMA Islam memang mahu umatnya berkualiti dan kaya dengan nilai-nilai yang dikehendaki oleh Islam itu, paksinya adalah 'akhlik yang mulia'. Dari akhlak yang mulia inilah lahirnya segala sifat terpuji, seperti taat berugama, setia kepada ulil amri, cinta kepada negara, amanah, ikhlas dan ihsan. Inilah akhlak yang disuruh kita memakainya oleh Islam".

- Titah Sempena Majlis Musabaqah Tilawah Al-Quran Belia Asia Tenggara Ke-8 Tahun 1439H/2017M.



**Pelita
BRUNEI**
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قُلْ بِرَبِّكَ

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43

TAHUN 65 / BILANGAN 14

1 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادی الآخر 7

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

Mohammad, Dk. Siti Ummy Syazana johan musabaqah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Piala Pusingan kepada johan qari, Awang Mohammad bin Ali pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441H / 2020M. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3 hingga 6).

Mengurangkan periode Al-Quran, tidak munasabah

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru agar semua Institusi Pendidikan di negara ini hendaklah mengambil perhatian berat khasnya Institusi Pendidikan Ugama adalah tidak wajar untuk bersikap lebih kurang atau menganggapnya sebagai kurang penting sehingga periode untuk mata pelajaran Al-Quran itu dibiarkan kurang berbanding mata pelajaran

penting.

Terutama bagi Institusi Perguruan Ugama, tegas baginda, adalah tidak munasabah untuk mengurangkan periode Al-Quran kerana selaku pegawai atau guru ugama nanti, mereka itu dikehendaki mesti mahir dan menguasai semua aspek mengenai Al-Quran. Jadi cuba bayangkan, jika mata pelajaran diabaikan ketika di dalam pengajian?

Baginda menekankan perkara itu semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1441H / 2020 Masihi bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, di sini.

Ke muka 3

Tangguh perjalanan tidak penting ke China

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Setakat ini tidak ada kes jangkitan pernafasan akut yang teruk dikesan di Negara Brunei Darussalam berkaitan dengan jangkitan Koronavirus Baharu (2019-nCoV).

Namun, dalam sama-sama meningkatkan lagi kewaspadaan dan langkah berjaga-jaga di negara ini, Kementerian Pendidikan mengambil langkah, khususnya bagi penuntut-penuntut yang berada di China dan sudah kembali ke Negara Brunei Darussalam untuk menjalani *self isolation* selama 14 hari. Manakala Pekerja-pekerja Hengyi seramai 39 orang yang berada di Pulau Muara Besar yang baru balik dari China juga menjalani *self isolation* selama 14 hari.

Ke muka 12

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



10 tahun : CIBFM - pusat kecemerlangan industri kewangan

Muka 13



SENTIASA jaga imej mahkamah

Muka 19



LEBIH 1.1 juta haiwan terbunuh akibat plastik!

Muka 21



MEMARTABATKAN Dikir Syarafil Anam

Muka 22

Al-Quran diturunkan untuk mendidik umat manusia



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Perasmian Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 / 2020 (Malam Pertama) di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Selasa (Malam Rabu), pada 3 Jamadilakhir 1441H / 28 Januari 2020M.

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Bismillaahir
Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

SYUKUR ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul pada malam yang mubarak ini di dalam Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2020 Masihi.

Marilah kita sama-sama meraih rahmat tersebut dengan bertasbih mendengarkan bacaan para qari dan qariah dengan diam menghayati sambil memikirkan maksud serta makna ayat-ayat yang dibaca.

Membaca Al-Quran adalah zikir paling utama. Menyedari ganjarannya yang amat besar maka wajarlah membaca Al-Quran dijadikan amalan kelaziman bagi rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya di kalangan para belia.

Ini adalah sangat mustahak, apatah lagi dalam era globalisasi masa kini yang berjaya merubah bentuk pemikiran, ideologi, budaya termasuk berbagai elemen negatif dari luar.

ideologi, budaya termasuk berbagai elemen negatif dari luar.

Kehebatan Al-Quran terbukti dalam konteks pendidikan sebagai asas yang kukuh ke arah pembinaan tamadun manusia dari aspek dunia dan juga ukhrawi. Bahkan Al-Quran itu sendiri diturunkan dengan matlamat dan tujuan untuk mendidik umat manusia, sekali gus mengeluarkan manusia daripada kejahilan dan kesesatan.

Alhamdulillah, setakat ini beberapa buah sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi di

"**MEMBACA Al-Quran adalah zikir paling utama. Menyedari ganjarannya yang amat besar maka wajarlah membaca Al-Quran dijadikan amalan kelaziman bagi rakyat dan penduduk di negara ini, khususnya di kalangan para belia. Ini adalah sangat mustahak, apatah lagi dalam era globalisasi masa kini yang berjaya merubah bentuk pemikiran, ideologi, budaya termasuk berbagai elemen negatif dari luar".**

negara ini telah mengambil inisiatif ke arah memantau kekerapan dan kemahiran membaca Al-Quran serta penerapannya ke dalam kehidupan.

Di samping pemantauan kemahiran dan pelaziman membaca Al-Quran secara formal, institusi keluarga turut memainkan peranan penting dalam sama-sama mengukuhkan lagi matlamat tersebut.

Adalah menjadi tanggungjawab para ibu bapa untuk mewujudkan persekitaran rumah tangga yang harmoni antara lainnya melalui pendekatan interaksi yang mesra ceria, kawalan emosi yang tenang dan penyediaan makanan yang pastinya *halalan tayyibah* (yang halal lagi baik) dengan ikatan solat berjemaah serta pautan ayat-ayat suci Al-Quran.

Inilah elemen teras dalam membentuk keluarga *sakinah, mawaddah, dan rahmah* atau keluarga bahagia yang terhindar dari gangguan serta bisikan iblis dan syaitan.

Ke arah itu, marilah kita sama-sama memahami maksud dan mendalami pengertian yang terkandung dalam ayat-ayat suci Al-Quran sebagai *tamsilan* dan pedoman dalam menjalani kehidupan sehari-hari di muka bumi ini.

Hanya Al-Quran sahaja lah yang mampu membimbing kita untuk sentiasa berada di atas landasan yang benar lagi selamat di dunia dan akhirat.

Akhirnya, dengan berkat kalimah *Bismillaahir Rahmaanir Raheem*, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan sukacita merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1441 Hijrah.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

1 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادی الآخر

Dari Sidang Pengarang. BACA AL-QURAN, MENGUNDANG BERKAT

MEMPERBANYAKKAN membaca Al-Quran setentunya boleh mengundang berkat, yang mana berkat secara umum bermaksud kurnia berupa rahmat daripada Allah. Berkat juga boleh diertikan sebagai 'lebih' atau melimpah-limpah dan di antara yang lebih atau melimpah itu boleh saja berupa rezeki.

Sementara itu, rezeki pula berpunca daripada keberkatan sedekah, keberkatan istighfar, keberkatan usaha dan seumpamanya. Demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menyentuh mengenai tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1441H / 2020 Masihi, iaitu 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran'.

Selain itu, nasihat baginda, semua lapisan masyarakat di negara ini, hendaklah melazimkan diri dengan membaca Al-Quran dan ditutut supaya sama-sama menghiasi rumah-rumah dengan cahaya Al-Quran. Bahkan biarlah Al-Quran itu terus menyinar dan memberkati segala aktiviti kita. Baginda juga menekankan agar pemahaman isi ayat-ayat di dalam Al-Quran setentunya merupakan satu keutamaan di samping membacanya.

Kepentingan dalam bidang pelajaran Al-Quran juga ditekankan oleh Kebawah DYMM pada musabaqah berkenaan. Baginda menegaskan agar semua Institusi Pendidikan di negara ini hendaklah mengambil perhatian berat khasnya Institusi Pendidikan Ugama.

Baginda menegaskan bahawa setentunya adalah tidak wajar untuk bersikap lebih kurang atau menganggap mata pelajaran Al-Quran itu sebagai kurang penting malahan membiarkan periode untuk mata pelajaran Al-Quran dibiarkan kurang, berbanding mata pelajaran lain.

Di samping itu, perguruan ugama, tegas baginda lagi, adalah tidak munasabah untuk mengurangkan periode Al-Quran kerana selaku pegawai atau guru ugama nanti, mereka ini dikehendaki mesti mahir dan menguasai semua aspek mengenai Al-Quran. Oleh itu, mata pelajaran Al-Quran tidak boleh diabaikan begitu sahaja di dalam pengajian.

Kesimpulannya, marilah kita menjadikan membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian kita dan berusaha memahami isi kandungannya agar kita dapat menghayati segala apa yang ada dalam Al-Quran. Agama Islam juga menuntut umatnya agar membaca dan mempelajari kandungannya. Ini kerana isi kandungannya yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia yang menjadi panduan dan pegangan insan dalam menjalani kehidupan dunia yang menjadi jambatan ke akhirat.

- Ketua Penyuntingan (Hs).

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	31 °C	32 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	32 °C

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	31 °C	32 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	32 °C

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	31 °C	32 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	32 °C

SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN BANGAR		
31 °C	31 °C	32 °C
PEKAN TUTONG		
31 °C	31 °C	32 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	32 °C



firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	SABTU	7	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	AHAD	8	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	ISNIN	9	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	SELASA	10	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	RABU	11	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
6	KHAMIS	12	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	JUMAAT	13	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



Wallhualam Bissawab	Talian Cuaca	Brunei WX App
Jabatan Kajitcuaca Brunei Darussalam www.met.gov.bn	114	Google Play App Store

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam	NDMC 123 2380214
------------------	--------------	-----------	-----------	----------------	--	---------------------

Mengurangkan periode Al-Quran, tidak munasabah

Oleh : Aimi Sani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morsidi, Mohd. Sahrizal Haji Said

Dari muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berharap agar perkara tersebut diambil perhatian sewajarnya.

Tema majlis kali ini, jelas baginda, sangat menarik hati baginda iaitu 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran'. Berkat secara umum titah baginda, boleh diertikan sebagai kurnia berupa rahmat daripada Allah. Sementara istilah rezeki pula mempunyai maksud pelbagai, ia boleh berupa harta, kesihatan, ilmu, pengetahuan, ketenteraman dalam keluarga dan seumpamanya.

"Dengan banyak-banyak membaca Al-Quran boleh mengundang berkat, sedang berkat pula bererti 'lebih' atau melimpah-limpah atau di antara yang lebih atau melimpah itu boleh sahaja berupa rezeki. Antaranya rezeki berpunca dari keberkatan sedekah, keberkatan istighfar, keberkatan usaha dan seumpamanya. Ini semua dirumus sebagai amal takwa sebagaimana firman Allah dalam Surah At-Talaq, ayat 2 hingga 3 tafsirnya : "Barang siapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia (Allah) akan menyediakan baginya jalan keluar. Dan

memberinya rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangkanya," titah Kebawah DYMM.

Sehubungan itu, baginda tidak jemu-jemu menasihati supaya semua lapisan masyarakat di negara ini melazimkan diri membaca Al-Quran dalam makna kita dituntut supaya sama-sama menghiasi rumah-rumah kita dengan cahaya Al-Quran. Biarlah Al-Quran itu terus menyinari dan memberkati segala aktiviti kita.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah bahawa di samping membaca, memahami ayat-ayat Al-Quran juga adalah menjadi keutamaan. Lalu kerana itu, kita pun mengambil langkah mengusahakan penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan tafsirannya serta kini penyusunan itu sedang diusahakan.

Terdahulu, baginda bertitah bahawa Musabaqah Membaca Al-Quran di negara ini sudah memasuki kali ke-62 ia diadakan, ini bermakna sudah lebih 60 tahun musabaqah ini berlangsung. Jangka masa yang sepanjang ini sudah tentu menjadi ingatan manis kepada siapa sahaja yang pernah menyaksikannya. Begitu juga peserta musabaqah sendiri dan ahli-ahli jawatankuasa yang mengendalikannya. Semoga



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1441H / 2020 Masihi.

Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran pahala kepada semua mereka yang terlibat.

Kebawah DYMM turut mengucapkan penghargaan

kepada semua peserta musabaqah pada kali ini, kalah atau menang bukanlah matlamat utama tetapi keikhlasan mengharapkan pahala daripada Allah itulah yang menjadi keutamaan.

"Kepada qari dan qariah yang berjaya menjadi juara, kita berdoa semoga Allah memberkati kejayaan mereka," titah baginda.

Berkenan hantar perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sheikh Khalid bin Khalifa bin Abdul Aziz Al Thani sempena dengan pelantikannya baru-baru ini sebagai Perdana Menteri Qatar.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Sheikh Khalid bin Khalifa bin Abdul Aziz Al Thani, sempena dengan pelantikannya baru-baru ini sebagai Perdana Menteri Qatar.

Inti Sari Titah

- **BERKAT** secara umum, boleh diertikan sebagai kurnia berupa rahmat daripada Allah. Sementara istilah rezeki pula mempunyai maksud pelbagai.
- **DENGAN** banyak-banyak membaca Al-Quran boleh mengundang berkat.
- **DI** samping membaca, memahami ayat-ayat Al-Quran juga adalah menjadi keutamaan.
- **KITA** pun mengambil langkah mengusahakan penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya.
- **KITA** dituntut supaya sama-sama menghiasi rumah-rumah kita dengan cahaya Al-Quran.
- **MENGENAI** bidang pelajaran Al-Quran, beta mahu semua Institusi Pendidikan di negara ini hendaklah mengambil perhatian berat, khasnya Institusi Pendidikan Ugama.
- **PERGURUAN** ugama adalah tidak munasabah untuk mengurangkan periode Al-Quran.

Mohammad, Dk. Siti Ummi Syazana johan musabaqah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi (kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan penganugerahan Piala Pusingan kepada johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit,
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Awang Mohammad bin Ali dan

Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki masing-masing diumumkan

sebagai johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441H / 2020M pada majlis pengumuman di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi berkenaan.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengurus Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1441 Hijrah dan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441H / 2020M; Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned; Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Awang Besar dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Ahli-Ahli Jawatankuasa Tinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1441 Hijrah serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan hadiah kepada naib johan qari, Pengiran Muhd Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dan kepada naib johan qariah, Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri.



SEBAHAGIAN jemputan yang hadir pada majlis tersebut (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Dari muka 4

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah

Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah.

Majlis dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh qariah jemputan dari Maghribi iaitu johan qariah Musabaqah Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur pada Tahun 2012, Hasnae Khoulali.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluan menyembah keberangkatan Kebawah DYMM yang juga mengurnikan titah dan penganugerahan hadiah-hadiah

menyerikan kemeriahan majlis yang setepatnya sentiasa akan menjadi pemangkin semangat mencintai kitab suci Al-Quran yang bukan sahaja setakat memuliakannya bahkan juga untuk membacanya dengan bacaan yang baik serta untuk mendapat fadilat keberkatan wahu Allah dan juga meraih pahala serta memetik serta memahami pengajaran ayat-ayatnya.

Yang Berhormat seterusnya menyembah memanjatkan doa agar Allah Subhanahu Wata'ala akan merahmati kita dan

Brunei berserta sekalian rakyat serta penduduknya akan juga mendapat berkat daripada Al-Quran dan seterusnya kekal dalam rahmat Allah hidup sejahtera, aman dan bahagia, sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala dari segala wabak penyakit dan bala bencana.

Sejurus selepas itu, baginda berkenan mengurnikan titah dan kemudian dijunung menyempurnakan penganugerahan hadiah-hadiah, cenderamata dan sijil kepada johan qari dan qariah serta para

peserta, hakim-hakim dan qariah jemputan musabaqah berkenaan.

Dengan mengutip markah 91.75 peratus, johan qari dimenangi oleh Awang Mohammad bin Ali. Naib johan disandang oleh Pengiran Muhd Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki dengan meraih markah 89.24 peratus, manakala tempat ketiga disandang Awang Mohamad Zul-Hafiz bin Awang Tengah dengan markah 87.99 peratus.

Sementara johan qariah diraih oleh Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki dengan mengutip markah 91.17 peratus. Naib johan dimenangi oleh Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri dengan markah 90.43 peratus, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Siti Zahrina binti Haji Abdul Wahab dengan markah 90.25 peratus.

Ke muka 6



KEBAWAH DYMM berkenan beramah mesra bersama para hakim (atas), Manakala gambar kanan, baginda berkenan bersalaman bersama qari dan hakim jemputan dari Malaysia, Che Yahya bin Daud.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama semasa sembah alu-aluan.



JOHAN qari dan qariah semasa memperdengarkan bacaan (kiri dan tengah), manakala gambar kanan, bacaan Saiyidul Istighfar daripada para pelajar ITQSHB.



BAGINDA berkenan beramah mesra dan bergambar ramai bersama keluarga johan qari juga qariah (kiri dan atas).

Dari muka 5

Johan qari dan qariah membawa pulang piala pusingan, wang tunai BND7,000; Paket Menunaikan Fardu Haji bagi johan kali pertama, kepingan emas 20 gram bernilai BND3,164 sumbangan daripada Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Anak-anak syarikatnya; Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB); Sebidang Kain Tenunan Brunei sumbangan daripada Syarikat Little Ummi berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Manakala naib johan qari dan qariah masing-masing membawa pulang wang tunai BND5,000; Kepingan emas seberat 10 gram

bernilai BND1,582 sumbangan dari Perbadanan TAIB dan Anak-anak syarikatnya; IITHSB dan DHSB dan piala iringan serta sijil penyertaan.

Sementara tempat ketiga qari dan qariah pula membawa pulang wang tunai BND3,000; Kepingan emas seberat 5 gram bernilai BND791 sumbangan dari Perbadanan TAIB dan Anak-anak syarikatnya; IITHSB dan DHSB dan piala iringan serta sijil penyertaan, manakala hadiah penghargaan qari dan qariah juga membawa pulang wang tunai BND1,500 berserta piala iringan dan sijil penyertaan.

Pengumuman keputusan musabaqah berkenaan diumumkan oleh Pengurus Jemaah Hakim, Awang Haji

Abdul Rajid bin Haji Mohd Salleh. Majlis turut diserikan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh johan qari dan qariah, Awang Mohammad dan Dayangku Siti Ummi Syazana.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Tema musabaqah pada tahun ini ialah 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran' yang menghuraikan tentang rezeki berkait rapat dengan kehidupan manusia.

Persoalan rezeki adalah antara rahsia Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki itu amat luas maknanya. Rezeki bukanlah semata-mata

benda yang boleh diukur nilainya seperti wang, makanan, rumah, kenderaan, harta benda. Malahan rezeki itu juga berbentuk kerohanian seperti kesihatan, kepandaian, kemahiran, kejayaan, ketenangan, kebahagiaan dan sebagainya.

Apabila kita mensyukuri dan reda akan kurniaan rezeki yang telah diberikan kepada kita, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati hidup kita. Keberkatan itu adalah penerimaan kebaikan yang berterusan.

Antara amalan, zikir dan doa yang boleh membuka pintu rezeki yang antaranya ialah selalu membaca Al-Quran; mengamalkan Sembahyang Sunat Dhuha secara rutin dan tertib; memperbanyakkan

istighfar; memperbanyakkan membaca hauqalah; memperbanyakkan membaca tasbih dan sebagainya.

Beruntunglah kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan Al-Quran. Al-Quran itu penuh rahmat dan berkat yang mengandungi tunjuk ajar dan panduan hidup serta peringatan kepada orang yang mau beringat dan pengajaran bagi yang mau mengambil teladan.

Dalam memeriahkan lagi musabaqah tahun ini juga diadakan jualan buku-buku daripada agensi-agensi kerajaan, jualan Usahawan Mualaf dan jualan daripada beberapa syarikat swasta.



BAGINDA berkenan berbual bersama qariah jemputan dari Maghribi, Hasnae Khoulali (kiri), manakala gambar kanan, baginda berkenan berswafoto bersama orang ramai.

Luah rasa syukur dinobatkan juara

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Johan qari dan qariah Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi masing-masing meluahkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala setelah dinobatkan menjadi johan bagi pertandingan tersebut.

Johan qari, Awang Mohammad bin Ali berkata, ini adalah merupakan kali pertama beliau menjadi johan qari bagi Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan sejak pertama kali beliau mengikutinya pada tahun 2004.

Ketika diajukan soalan tentang persiapan, Awang Mohammad berkata bahwa latihan sering kali dilakukan sebagaimana tahun-tahun yang sebelumnya

dan kesemua itu tertakluk kepada kesihatan tubuh badan. "Kesihatan tubuh badan memainkan peranan penting kerana tanpa kesihatan tidak mungkin akan dapat mencapai semaksimum mungkin," ujarnya.

Awang Mohammad yang merupakan Pegawai Pelajaran di salah sebuah sekolah di negara ini seterusnya menasihatkan agar Al-Quran itu harus sentiasa dipelajari dan dibaca, bukan

hanya untuk bertanding, akan tetapi perlu dijadikan sebagai amalan sehari-hari.

Sementara itu, johan qariah, Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki pula menjelaskan bahawa segala yang diusahakan selama ini membawa hasil dan akan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa.

Menyentuh mengenai kunci kejayaan pula, beliau mengongsikan kepada Pelita

Brunei agar jangan sentiasa berasa selesa dengan apa yang sudah dikehendaki di samping sentiasa berguru atau tunjuk ajar daripada mereka yang lebih berpengalaman dan jangan berasa cukup dengan apa kita sudah kita ketahui, namun sentiasa berusaha mengalami lagi ilmu Al-Quran tersebut selain turut mengamalkan untuk membaca Al-Quran untuk mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala jua.

UTB perlu pilih etika Islam selari dengan budaya bangsa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah ketika berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual baginda ke Universiti Teknologi Brunei (UTB).

TUNGKU LINK, Rabu, 29 Januari. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) perlu mengekalkan usaha untuk menjadikan sebuah universiti yang benar-benar dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu pengetahuan berupaya untuk

menyelesaikan isu-isu kontemporari melalui usaha-usaha penyelidikan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual baginda ke UTB berkenaan, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya bertitah menyatakan, antara usaha-usaha penyelidikan tersebut adalah menyasarkan kepada tiga teras penyelidikan, minyak dan gas; teknologi hijau dan air, ketiga teras ini adalah nadi kepada Brunei.

"Beta difahamkan pada tahun 2017, UTB merupakan rumah kepada sekitar 1,439 pelajar dan 241 kakitangan, termasuk 134 kakitangan akademik, UTB telah melahirkan lebih 5,000 graduan HND dan 500 graduan degree berbanding dua tahun kemudiannya jumlah itu tentu saja bertambah," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Tidak diragukan lagi, menurut titah Kebawah DYMM, program-program UTB itu adalah berkaitan dengan kepentingan

negara seperti program sekolah perdagangan dan mempunyai tiga bidang program, iaitu ekonomi, perakaunan dan pengurusan dimana ketiga-tiga bidang ini adalah pemangkin kepada kemajuan.

Justeru itu, baginda bertitah menggariskan semua program yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti berkenaan adalah peneroka bagi semua bidang berkaitan, seperti Fakulti Kejuruteraan yang mempunyai empat bidang program, iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik; Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Petroleum dan Kimia dan ini semua berfungsi untuk menjana perkembangan dan peningkatan.

Baginda juga menekankan, di mana tidak ada lagi yang nampak kurang, kecuali sahaja lagi yang perlu disebut di sini iaitu mengenai etika.

"UTB perlu mengenal pasti etika apakah yang menjadi pilihan. Tanpa diragukan lagi etika yang mesti dijadikan pilihan adalah etika Islam selari dengan budaya bangsa. Budaya bangsa tidak boleh menerima bulat-bulat segala yang asing tetapi cuma akan menerima apabila ia patut

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

untuk diterima," tegas baginda.

Ujar baginda, ini perlu diambil kira selaku bangsa dan negara yang berdaulat lagi merdeka yang mempunyai jati diri tersendiri, jati diri boleh kabur dengan melonggarkan sikap terhadap budaya dan pengaruh asing dalam kehidupan.

Terdahulu, baginda bertitah, di mana pusat pengajian UTB ditubuhkan pada Januari 1986 dengan nama awalnya Institut Teknologi Brunei (ITB).

Matlamat penubuhannya ialah untuk kepentingan pelbagai pendidikan teknikal dan komersial dengan menawarkan program-program Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam bidang-bidang kejuruteraan, perdagangan dan sebagainya yang bertujuan melahirkan para profesional dalam bidang tersebut.

Sementara itu, pada tahun 2008, ITB dinaik taraf menjadi Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan semenjak itu pembangunan luar biasa telah berlaku termasuk pengembangan portfolio program akademik. Ini termasuklah penubuhan strategik perkongsian dengan pihak industri dan universiti serta lain-lain seumpamanya.

Kemudahan, prasarana UTB menjadi perhatian baginda



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke UTB.

TUNGKU LINK, Rabu, 29 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan Lawatan Tidak Berjadual ke Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Bangunan Utama UTB berkenaan dijunjung oleh Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Lew bin Abdullah; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman; dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Ke muka 8



KEBAWAH DYMM berkenan berinteraksi bersama mahasiswa UTB mengenai suasana dan keperluan pembelajaran mereka di UTB (kiri), manakala gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada mahasiswa UTB.

Dari muka 7

Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan meninjau ke beberapa kemudahan-kemudahan dan prasarana UTB dengan memulakan lawatan ke Bangunan Fasa II, Sekolah Pengkomputeran dan Informatik (School of Computing and Informatics) dan Sekolah Perdagangan (School of Business).

Kebawah DYMM seterusnya

mlewati ke persekitaran universiti tersebut, selain melihat secara lebih dekat lagi ke beberapa prasarana lainnya, antaranya ke Pusat Kakitangan dan Pelajar, Bilik Kuliah, Koperasi UTB, Bilik Penerbitan Mushaf, Fakulti Reka Bentuk, Bilik Studio Arketikur, Makmal Kejuruteraan Elektrik dan Komunikasi, Makmal Kejuruteraan Awam dan Mekanikal dan ke Bilik Konkrit. Setelah itu, baginda

meneruskan lawatan ke Bangunan Blok Kejuruteraan Fasa 3. Di sini, baginda ke Kafeteria Pelajar, Makmal Petrochemical, Kantin, Majlis Perwakilan Pelajar, Pusat Inovatif dan Kejuruteraan UTB serta banyak lagi.

Sebelum mengakhiri lawatan, baginda mengurniakan titah dan kemudiannya menerima junjung ziarah daripada mahasiswa, pensyarah-pensyarah, pegawai-pegawai

kanan, pegawai dan kakitangan UTB sebelum berangkat meninggalkan universiti tersebut.

UTB merupakan sebuah universiti kejuruteraan dan teknologi di Brunei Darussalam yang khusus dalam bidang Kejuruteraan, Perdagangan, Pengkomputeran, Sains Gunaan dan Matematik juga Reka Bentuk.

Pusat pengajian UTB mula ditubuhkan pada Januari 1986

sebagai Institut Teknologi Brunei (ITB). Ia kemudian dinaik taraf pada tahun 2008 yang menawarkan program Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) dalam Kejuruteraan, Perdagangan dan Pengkomputeran ke universiti dan bertukar menjadi UTB pada 1 Mac 2016.

Setelah penaiktarafan, UTB melihat perkembangan yang luar biasa, termasuklah pengembangan dalam portfolio program akademiknya, penubuhan perkongsian dengan industri dan universiti, memulakan proses program akreditasi oleh badan profesional, juga aktiviti penyelidikan dalam intensifikasi.

Sejak penubuhannya, UTB banyak menandatangi Perjanjian mengenai Program Penyelidikan, Pendidikan dan Latihan Bersama Organisasi Terkemuka di Dalam Negara maupun Luar Negara.

Ini termasuklah pertukaran pelajar bagi program ijazah dan lepasan ijazah, pertukaran akademik, penyelidikan bersama, persidangan, seminar dan projek lainnya.



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama warga UTB pada lawatan berkenaan (kiri dan kanan).

Ke muka 9



BAGINDA berkenan berinteraksi, seterusnya bergambar ramai bersama warga UTB (kiri dan kanan).



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama mahasiswa UTB (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan meninjau pembelajaran mahasiswa UTB.

Dari muka 8

Dalam Universiti QS Asia edisi 2019 pula, UTB menduduki ranking ke 181, iaitu 36 peratus teratas di antara lebih 500 institusi di seluruh benua.

Sementara edisi 2020, UTB berjaya mendaki 44 tempat dan menduduki ranking 137, menjadikan UTB antara 150

universiti terkemuka di Asia.

UTB adalah satu-satunya universiti tempatan yang menerima lima bintang daripada penarafan QS Stars, juga universiti pertama yang berjaya memperoleh Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001 : 2015 oleh Biro Veritas pada Julai 2019.

UTB membangunkan Pelan

Strategik baharu 2019 - 2023, yang memfokuskan kepada empat bidang strategik, iaitu Pendidikan Berkualiti, Pelajar Bebas, Penyelidikan Translasi dan Keterlibatan Helix Kuadrup (Quadruple Helix Engagement).

Pelaksanaan inisiatif yang berjaya di bawah bidang tersebut akan dapat menyaksikan UTB memberikan kesan dan

sumbangan yang kuat kepada keupayaan sumber manusia, industri dan keusahawanan negara.

Manakala visi UTB pula ialah untuk menjadikan global universiti yang memberikan kesan kepada masyarakat dan

misinya untuk memupuk dalam nilai-nilai MIB juga komited untuk membina masyarakat global dan keusahawanan dalam usaha mencapai inovasi juga keupayaan berkaitan dengan industri, ke arah memenuhi Wawasan Brunei 2035.



BAGINDA berkenan beramah mesra bersama mahasiswa UTB (atas), sementara gambar atas kanan dan kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan dan perkongsian permasalahan daripada mahasiswa UTB.



BAGINDA berkenan meninjau salah satu ciptaan mahasiswa UTB dan berswafoto bersama mahasiswa UTB (kiri dan kanan).

Berangkat ke Majlis Reunion DPMM FC 20 Tahun



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama-sama pemain dan juga bekas pemain-pemain DPMM FC (kiri), manakala gambar kanan, DYTM berkenan menerima pesambahan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Masri Osman

JERUDONG, Rabu, 29 Januari.

- Kelab Bola Sepak Duli Pengiran Muda Mahkota atau lebih dikenali dengan DPMM FC sudah pun mencelah usianya yang Ke-20 Tahun sejak ia ditubuhkan pada tahun 2000, bermula sebagai pasukan kolej pada tahun 1994, sebelum secara rasminya menjadi kelab ternama sehingga ke hari ini.

Sehubungan itu, Majlis

Reunion DPMM FC 20 Tahun yang diadakan mengumpulkan dan menggabungkan pemain-pemain daripada pengambilan pertama sehingga kini.

Berangkat pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah di Tarindak d'Polo Restaurant dijunjung oleh Pengurus Am DPMM FC,

Awang Mohamad Ali bin Haji Momin.

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim; Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman juga kerabat diraja yang lain.

Sejurus keberangkatan, DYTM dan Yang Teramat Mulia dijunjung untuk bergambar ramai bersama warga DPMM FC dan kemudian beramah mesra bersama mereka.

Pada majlis tersebut, Awang



DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah bersama anakanda-anakanda DYTM berkenan dijunjung bagi menyaksikan tayangan klip video. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah.

Mohamad Ali dalam sembah alu-aluannya menyembahkan sebagai warga DPMM FC, haruslah berbangga dengan pencapaian yang diukir dari mula ia ditubuhkan hingga kini kerana kelab tersebut sudah mula dikenali, bukan saja di rantau ASEAN, malah di luar rantau ASEAN.

Menurutnya, DPMM FC bermula daripada pasukan bola sepak Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pada tahun 1994 yang giat mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan yang bermain di Liga Brunei.

"Memandangkan pasukan ini boleh menyaangi pasukan-pasukan di Liga Brunei, timbulah hasrat DPMM FC didaftarkan secara rasmi pada tahun 2000 dan mula bermain secara profesional sehingga menyertai Liga Brunei, Liga Malaysia dan Liga Singapura," ujarnya lagi.

Sepanjang 20 tahun penglibatannya dalam dunia bola sepak, DPMM FC meraih beberapa kejayaan dan sejarah yang dicipta hingga kini seperti menjuarai Liga Brunei pada tahun 2002 dan 2004.

Selain itu, menjuarai FA Cup tahun 2004, menjuarai Brunei Invitational Cup pada tahun yang sama setelah berjaya menewaskan kelab gergasi dari Thailand, iaitu Bec Tero Sasana, dengan jaringan 1 - 0.

DPMM FC juga diberi kepercayaan untuk mewakili negara menyertai Liga Malaysia bagi musim 2005 - 2006, dan berjaya menempatkan diri ke Liga Super Malaysia pada tahun berikutnya.

Pada masa itu, pemain tempatan, Awang Shahrazen bin Said mencipta nama sebagai Penjaring Terbanyak bersama dengan Pemain Import Malaysia pada masa itu, iaitu Kieta Mandjou.

Pada tahun 2009, DPMM FC mula bermain di Liga Singapura, di mana ia mencipta sejarah merupakan pasukan pelawat yang pertama menjuarai Piala League Cup Singapura sebanyak tiga kali.

Terkini, DPMM FC menjuarai Liga Singapura sebanyak dua kali, iaitu pada tahun 2015 dan tahun lepas, iaitu 2019.



DYTM dan YTM dijunjung untuk bergambar ramai bersama warga DPMM FC.

Lapan peserta perdengarkan bacaan Al-Quran pada hari kedua



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat pada hari kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2020 (kiri), sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah sejurus berangkat tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Empat qari dan empat qariah memperdengarkan bacaan masing-masing pada hari kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2020 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Berkenan berangkat ke majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najahah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar. Turut

menjunjung

keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Tahun 2020 dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Bacaan Surah Al-Fatiyah memulakan majlis yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia

Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Musabaqah hari kedua dimulakan dengan bacaan Al-Quran daripada peserta pertama, Awang Haji Mahrof bin Haji Chuchu, yang membaca Surah Al-Anfaal mulai ayat 29, diikuti dengan Dayang Siti Zahrina binti Abdul Wahab dengan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 36.

Disusuli dengan Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya dengan memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 41 dan kemudian Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai

ayat 45.

Majlis diteruskan dengan bacaan Al-Quran dari Qariah Remaja Tempatan, Dayang Najihah binti Haji Nor Asman, Johan Qariah di Pertandingan Tilawah Al-Quran Antara Sekolah-Sekolah Menengah Dan Maktab-Maktab Senegara Kali Ke 35, Tahun 1440H / 2019M.

Musabaqah diteruskan dengan peserta Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki yang memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 53, diikuti dengan Dayangku Siti Ummi Syazana binti Pengiran Haji Marjuki yang memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 59.

Haji Awang Mohd. Fikri bin Haji Awang Metussin seterusnya memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 62 dan diakhiri dengan peserta terakhir, iaitu Dayang Hajah Nurhafidzah binti Haji Hassan yang memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 67.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan bacaan Saiyidul Istighfar daripada penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Tempo Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441H / 2020M ialah 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran'.

Bagi memeriahkan lagi musabaqah kali ini, pameran dan jualan buku-buku daripada agensi-agensi kerajaan, Usahawan Mualaf dan beberapa syarikat swasta juga turut dijemput.



PARA peserta, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 53, diikuti dengan Dayangku Fauziah Nadhirah binti Pengiran Haji Jofri, yang memperdengarkan bacaan Surah Al-Anfaal mulai ayat 45 (kiri dan kanan).

PARA jemputan juga berkesempatan menyaksikan buku-buku yang dijual pada majlis itu.



ANTARA yang hadir memeriahkan dan mendengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran pada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan tersebut.

Tangguh perjalanan tidak penting ke China



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri); Yang Berhormat Menteri Kesihatan (tengah); dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan (kanan) pada Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan Koronavirus Baharu (2019-nCoV) dan langkah-langkah yang diambil oleh Negara Brunei Darussalam.

Dari muka 1

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan Koronavirus Baharu (2019-nCoV) dan langkah-langkah yang diambil oleh Negara Brunei Darussalam, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah Kementerian Kesihatan.

Turut hadir, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong dan Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Menurut Yang Berhormat, sejumlah 73 penuntut Negara Brunei Darussalam menuntut di China dan seramai 31 orang daripadanya masih berada di sana dan 29 orang daripada mereka akan kembali ke Negara Brunei Darussalam pada Jumaat, 31

Januari 2020. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan berusaha untuk menghantar balik dua orang lagi dalam masa terdekat ini.

"Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan Koronavirus Baharu (2019-nCoV) di China, peringkat serantau dan global. Sebanyak 7,711 kes disahkan dijangkiti Koronavirus Baharu (2019-nCoV) di 31 wilayah di China, iaitu 1,370 orang daripadanya berada dalam keadaan yang serius dan sedang dirawat di hospital, manakala 170 orang lagi meninggal dunia. Jumlah ini juga termasuk kes-kes yang disahkan di luar tanah besar China, iaitu Hong Kong (10), Macau (7) dan Taiwan (8).

Beberapa kes jangkitan virus tersebut juga disahkan di beberapa buah negara seperti berikut : Thailand (14 kes); Jepun (7 Kes); Korea Selatan (4 kes); Amerika Syarikat (5 kes); Singapura (10 kes); Viet Nam (2 kes); Nepal (1 kes); Perancis (3 kes);

Australia (5 kes); Malaysia (8 kes); Kemboja (1 kes); Sri Lanka (1 kes); Kanada (2 kes); Jerman (4 kes); United Arab Emirates (4 kes) dan Filipina (1 kes)," jelas Yang Berhormat.

Kerajaan China ujarnya, memperketatkan lagi langkah-langkah pengawalan di China, di mana pada 27 Januari 2020 lalu, Kerajaan China menyekat kumpulan-kumpulan pelancong dari negara itu daripada berkunjung ke luar negara. Berikutan dengan itu, jumlah kedatangan pelancong China ke Negara Brunei Darussalam didapati turun secara mendadak bermula pada 27 Januari 2020.

"Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga akan melaksanakan beberapa langkah-langkah tambahan seperti berikut, iaitu mana-mana pelawat dari Wilayah Hubei atau sesiapa yang memegang pasport Republik Rakyat China yang dikeluarkan di Hubei tidak akan dibenarkan

masuk ke Negara Brunei Darussalam; Sesiapa yang pergi ke Wilayah Hubei dalam masa 14 hari sebelum tiba ke Negara Brunei Darussalam, tidak akan dibenarkan memasuki negara ini, kecuali Rakyat dan Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam; Sesiapa yang berada di negara China dalam masa 14 hari sebelum tiba di Negara Brunei Darussalam dan dibenarkan masuk ke negara ini akan dikehendaki untuk menjalani *self isolation* selama 14 hari; Rakyat atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di China (tanpa mengira wilayah) boleh dibenarkan untuk masuk kembali ke Negara Brunei Darussalam," jelas Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa mereka akan dikehendaki untuk menjalani *self isolation* selama 14 hari. Mana-mana Rakyat atau Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang sakit dan sedang berada di China adalah dinasihatkan untuk menangguhkan kepulangan mereka ke negara ini dan dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda merasa kurang sihat.

Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Kesihatan akan terus memastikan tahap kesiapsiagaan dan bekerjasama dengan pihak WHO serta negara-negara jiran bagi mengawal keadaan jangkitan Koronavirus Baharu (2019-nCoV). Dalam hal ini, orang ramai di negara ini adalah dinasihatkan supaya tidak merasa cemas dan panik.

Kementerian Kesihatan juga akan memaklumkan orang ramai dari semasa ke semasa mengenai sebarang perkembangan terkini dan apa juar langkah-langkah yang perlu dilaksanakan.

Sebagai langkah berjaga-jaga menurutnya, orang ramai adalah juga dinasihatkan dan diingatkan untuk mengamalkan amalan kesihatan yang baik pada setiap masa, iaitu elakkan daripada



ANTARA yang hadir pada Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan Koronavirus Baharu (2019-nCoV) dan langkah-langkah yang diambil oleh Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

10 tahun : CIBFM - pusat kecemerlangan industri kewangan



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan Lima Star Awards untuk memberikan penghargaan ke atas sokongan pelanggan-pelanggan Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) sepanjang dekad.

JERUDONG, Jumaat, 31 Januari. - Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) mengadakan lebih daripada 420 program latihan dan acara yang dihadiri oleh lebih daripada 9,800 pegawai dan kakitangan daripada sektor awam dan swasta sepanjang penubuhannya pada 10 tahun lalu.

Ia ditubuhkan untuk menjadi pusat kecemerlangan bagi industri kewangan dan sebagai pemangkin

untuk mengembangkan lagi pengetahuan juga keupayaan industri.

Sehubungan itu, CIBFM mengadakan Majlis Sambutan CIBFM Ke-10 Tahun di Tarindak D'Polo, Jerudong, dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong merangkap Timbalan Pengurus Autoriti Monetari



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri merangkap Timbalan Pengurus Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) selaku tetamu kehormat; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM); dan Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II pada acara memotong kek pada Majlis Sambutan CIBFM Ke-10 Tahun.

Brunei Darussalam (AMBD) selaku tetamu kehormat.

Pengarah Urusan AMBD, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar semasa menyampaikan ucapannya selaku Pengurus Lembaga Pengarah CIBFM mempertengahkan perjalanan dan pencapaian CIBFM sejak penubuhannya pada 2010.

Beliau juga memberikan penekanan terhadap kepentingan sumbangan daripada Ahli-ahli

Lembaga Pengarah, para pemegang saham dan pelanggan-pelanggan ke arah kejayaan CIBFM.

Majlis tersebut juga diserikan lagi dengan Persembahan Video CIBFM dari tahun 2010 hingga 2019, bertajuk 'CIBFM : A Decade of Learning', dan acara memotong kek oleh tetamu kehormat.

Acara juga turut menyaksikan Penyampaian Lima Star Awards untuk memberikan penghargaan

ke atas sokongan pelanggan-pelanggan CIBFM sepanjang dekad.

Juga hadir, Menteri-menteri Kabinet; Timbalan Mufti Kerajaan di Pejabat Mufti Kerajaan; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD; Ahli-ahli Lembaga Pengarah CIBFM; pegawai-pegawai kanan AMBD; juga wakil-wakil daripada bank-bank, agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta.

CIBFM berperanan penting dalam perkembangan modal insan, kewangan

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

JERUDONG, Jumaat, 31 Januari. - Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM) ditubuhkan pada 20 Januari 2010 dengan mandat untuk menjadi Pusat Kecemerlangan bagi industri kewangan dan sebagai pemangkin untuk mengembangkan lagi pengetahuan juga keupayaan industri.

Dengan bimbingan dan tunjuk arah daripada Lembaga Pengarah CIBFM, di bawah kepimpinan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kemudiannya diambil alih oleh Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), CIBFM berkembang dengan pesat hingga ke hari ini.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Urusan AMBD, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Badar selaku Pengurus Lembaga Pengarah CIBFM semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada Majlis Sambutan CIBFM Ke-10 Tahun di Tarindak D'Polo, di sini.

Dalam sepuluh tahun, jelas Pengarah Urusan AMBD lagi, CIBFM berjaya menjadi sebuah komponen penting dalam perkembangan modal insan, terutama sekali di sektor kewangan, dan dalam memangkin pembangunan sistem kewangan negara melalui penambahbaikan daripada segi profesionalisme juga kepakaran tenaga kerja.

"Ini selaras dengan peranan CIBFM dalam Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016 - 2025, di mana membolehkan CIBFM untuk menyokong dan mendukung aspirasi negara dalam menjadikan Brunei Darussalam salah satu dari pusat kewangan Islam yang terkemuka di seluruh dunia.

Alhamdulillah, saya dengan berbesar hati ingin mengongsikan bahawa semenjak penubuhannya, CIBFM menyumbang kepada penaikan taraf industri kewangan negara melalui pengenalan dan pelaksanaan beberapa program *flagship* seperti Fiqh Muammalat Professional Programme pada tahun 2012, yang mempersiapkan para graduan dengan pengetahuan dan pengalaman praktikal di dalam kewangan Syariah," jelas beliau lagi.

Pengarah Urusan AMBD seterusnya menambah bahawa CIBFM juga memperkenalkan Financial Planning Practitioners Programme pada tahun 2013 dan Qualifying Examination for Insurance and Takaful Agents pada tahun 2015, di mana program-program tersebut merupakan program perlesenan yang memastikan para perancang kewangan dan ejen insurans / takaful di negara ini memperoleh taraf profesionalisme dan pengetahuan yang diperlukan sebelum dilesenkan oleh AMBD.

"CIBFM juga menggalakkan dan menganjurkan beberapa dialog di antara sektor awam dan swasta melalui acara-acara dan persidangan-persidangan berprofil tinggi, antara lainnya, Brunei Darussalam Islamic Investment Summit, Brunei Darussalam Islamic Capital Market Conference, Leadership Conference dan Muzakarah Ilmuwan Kewangan Islam.

Acara-acara sebegini menggalakkan perkongsian perkembangan terkini dan amalan terbaik daripada pakar-pakar tempatan dan luar negara, di samping memberikan inspirasi, motivasi dan buah fikiran yang baharu kepada ahli-ahli profesional di negara ini melalui pengalaman dan strategi-strategi," ujarnya lagi.

Dalam usaha untuk membantu industri kewangan meningkatkan tahap profesionalisme menepati piawaian antarabangsa, Dayang Hajah Rokiah, seterusnya menerangkan bahawa CIBFM mengadakan pelbagai Program Pensiijilan seperti Accredited Competency Professional, Accredited Training Professional, Certificate in Anti-Money Laundering, Islamic Finance Qualification dan lain-lain.

Beliau seterusnya menjelaskan CIBFM berjaya menjalankan hubungan strategik dengan beberapa institusi serantau dan antarabangsa; antaranya, Islamic Research and Training Institute, Jeddah; Chartered Institute of Securities and Investment, UK;

dan International Centre for Education in Islamic Finance, Malaysia.

"Alhamdulillah, pada tahun lepas, berkat dedikasi dan sumbangan CIBFM kepada industri kewangan, khususnya kewangan Islam, CIBFM telah menerima Excellence Award for Islamic Finance Training and Education 2019 di Global Islamic Finance Awards 2019 anjuran Edbiz Consulting, London yang diadakan di Cape Town, Afrika Selatan.

Saya percaya bahawa pengiktirafan global ini akan mendorong dan memberikan semangat bagi CIBFM untuk lebih maju ke hadapan. Satu program *flagship* diperkenalkan pada bulan September tahun lepas, iaitu Leadership in Islamic Finance and Economics (LIFE) dengan harapan untuk menambahkan lagi kredibiliti dan profesionalisme perbankan Islam berpandukan kepada International Competency Development Standards bagi membantu para peserta meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.

Satu lagi inisiatif dalam perkembangan modal insan bagi industri kewangan adalah Continuous Professional Development Framework (Rangka Kerja Perkembangan Profesional Berterusan) yang akan dilaksanakan secara berperingkat dalam masa dua tahun ini. Antara objektif program ini adalah untuk membangunkan standard industri kewangan melalui amalan terbaik



PENGARAH Urusan AMBD selaku Pengurus Lembaga Pengarah CIBFM semasa ucapan alu-aluan.

dan untuk memperkuuhkan lagi keyakinan orang ramai terhadap institusi-institusi kewangan," ujar beliau lagi.

Beliau seterusnya percaya bahawa CIBFM akan terus berusaha untuk membawakan lebih banyak lagi program-program dalam mempersiapkan tenaga-tenaga kerja di negara ini untuk menjadi lebih kompeten dan kompetitif.

Sepanjang satu dekad penubuhannya, CIBFM menganjurkan lebih daripada 420 program latihan juga acara yang dihadiri oleh lebih daripada 9,800 pegawai dan kakitangan daripada sektor awam dan swasta.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAII TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 09/02/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 01 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP: 15 FEBRUARI 2020

1. PEREKA TINGKAT II

C.3-4 EB.5

BAHAGIAN III

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/003/15

2. PEGAWAI PELAJARAN

G.13

BAHAGIAN II

PEJABAT KETUA PENGARAH PENDIDIKAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/003/16

3. TUKANG MASAK ASRAMA

F.3-4 EB.5

BAHAGIAN V

JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEKOSONGAN = TIGA (03)

2020/003/09

4. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III

E.1-2-3 EB.4

BAHAGIAN V

JABATAN-JABATAN KERAJAAN

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/004/05

PERATURAN 38(A)
BILANGAN IKLAN 06/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalanjan pegawai dan kakitangan yang sedang
berkhidmat
di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 01 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP: 15 FEBRUARI 2020

1. PENOLONG KANAN SETIAUSAHA

KUMPULAN 2

BAHAGIAN I:

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

JABATAN PERDANA MENTERI

KEKOSONGAN = SATU (01)

2020/004/01

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's
di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah
menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn

JABATAN PENGAJIAN
ISLAM, KEMENTERIAN
HAL EHWAL UGAMA



JABATAN PENGAJIAN ISLAM,
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA BAGI TEMPOH
TIGA (3) TAHUN

BILANGAN SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / KANTIN - B / 57 / 17

NAMA SEKOLAH ARAB :
SEKOLAH UGAMA ARAB
MENENGAH PEREMPUAN RAJA ISTERI
PENGIRAN ANAK HAJAH SALEHA,
KATOK

BILANGAN SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / KSU / 50 / 14

NAMA SEKOLAH UGAMA :
SEKOLAH UGAMA PUTAT,
KAWASAN BRUNEI IV

BILANGAN SEBUT HARGA :
KHEU / JPI / KSU / 45 / 06

NAMA SEKOLAH UGAMA :
SEKOLAH UGAMA PENGIRAN ANAK
PUTERI FADZILAH
LUBABUL BOLKIAH,
KUPANG, TUTONG II

BAYARAN YURAN TAWARAN :
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

Tarikh akhir mengambil borang
tarawan :
Selasa, 10 Jamadilakhir 1441H /
4 Februari 2020M

Tarikh akhir menghantar pada :
Rabu, 26 Jamadilakhir 1441H /
5 Februari 2020M
sebelum jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DI DALAM KELAS : II & III
KATEGORI :

KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :
11 FEBRUARI 2020 (SELASA)

TARIKH TUTUP :
25 FEBRUARI 2020 (SELASA)
TIDAK LEWAT DARI
JAM 2.00 PETANG
BILANGAN TAWARAN :
JKR / DTS / 02 / BTKS / 2020 - T / II

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH
MASALAH ENDAPAN TANAH
KAWASAN LUAR BANGUNAN
PEJABAT HAL EHWAL UGAMA,
TEMBURONG

NO. PROJEK : (66 / 18)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 39 / 2019

REPAIR WORK TO MRS AND JRC
FOR AARM VILLAGE AT
TUTONG CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI KA01, B01 dan E01

TEMPOH PENYIAPAN :
TIGA (3) BULAN

TARIKH TUTUP :
Selasa, 11 Februari 2020, tidak lewat
jam 2.00 Petang



BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)
YURAN E -DOKUMEN : -


**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH
PEGAWAI WARIS
BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 551 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PNG HAI YEN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LIEW SAU FAI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **11 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 10 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 552 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMAD BIN IBRAHIM** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HASSANAL ASHA'ARI BIN HAJI MOHAMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **BAPA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **11 FEBRUARI 2019, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 10 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 553 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH HASLINA BINTI HAJI ANAF** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ZULAIHE BIN JALUDIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **11 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI

WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 10 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 554 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **PG. HJ. FATHUR RAHMAN BIN PG. HJ. MOHAMAD** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DK. HJH. NOSALAM BINTI PG. HAJI SULAIMAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK SAUDARA** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **11 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 10 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 555 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ALI RAHIM BIN HAJI MOHIDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LATIFF BIN O.K LAKSAMANA** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **CUCU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **11 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 10 Disember 2019.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 556 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KULAN BINTI HAJI SILIN @ ROSNI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **METUSSIN BIN HAJI HUSSIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah

permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 557 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NABEEL WALID BIN AJI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AJI BIN HAJI ALIAS** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 558 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH SITI BINTI PUNGUT** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG HAJAH ROSNAH BINTI PUNGUT** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 559 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **KONG JAIME** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KWONG SWEE FUK** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA:
NO. LA / BSB / 560 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **ABDUL AZIZ BIN HAJI MOHAMAD / MD. NOOR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MOHAMAD BIN JALIL (ALIAS) HAJI MD. NOOR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

(**MAHMUD ZUHDI BIN KARIM**)
Pemangku Penolong Pegawai Waris
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DI DALAM
KELAS : V & VI SAHAJA
KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA :**
3.30 PETANG, 11 FEBRUARI 2020
(SELASA)

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
18 FEBRUARI 2020 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DOR / SRC 26 / 2019

NAMA PROJEK :
**PELEBARAN JALAN TUTONG
BERMULA DARI PERSIMPANGAN
JALAN JERUDONG MENUJU
PERSIMPANGAN LUGU**

YURAN TAWARAN :
BND500.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
TIDAK ADA



IKLAN



PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN :
(10) NDMC / TSH / 2019-2020

TAJUK TAWARAN :
SUPPLY, DELIVERY AND
INSTALLATION OF ASSETS AND
LOGISTIC FOR DISASTER
OPERATION AT THE NATIONAL
DISASTER MANAGEMENT CENTRE

YURAN TAWARAN :
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
Rabu, 12 Februari 2020
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

JUALAN SECARA SEBUT HARGA BAGI
1 LOT HARTA BENDA KERAJAAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA
BRUNEI DAN KEMENTERIAN
PERTAHANAN

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT :

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, firma swasta dan prang-orang perseorangan untuk memberikan sebut harga bagi penjualan barang-barang dan kerja-kerja pengangkutannya umah dihapuskan dari kira-kira seperti tersenarai di dalam borang sebut harga.

2. Yuran dokumen sebanyak **BND10.00** tunai (tidak dikembalikan) bagi satu borang sebut harga dan borang tersebut boleh diambil di alamat berikut :

Blok C, Tingkat Satu
Unit Kaunter Perkhidmatan Pelanggan
Jabatanarah Kewangan & Perolehan
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison

3. Tawaran hendaklah dihantar dengan sampul surat yang bertutup rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk dan bilangan sebut harga yang berkenaan tanpa menyatakan identiti penawar dan dihantar kepada alamat di bawah ini dengan mengikut arahan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga ini.

**TAWARAN PEMBELIAN
& PENGANGKUTAN
BARANG YANG DIHAPUSKAN
DARI KIRA-KIRA
KEMENTERIAN PERTAHANAN
RUJUKAN :**
MINDEF / DFA / MWOC / L / 1 (01 / 2020)

4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam :

Box No. 6, Peti Sebut Harga
Bangunan Arkib
Aras Bahaw
Kementerian Pertahanan
Bolkiah Garison

5. Tarikh tutup : Selasa, 4 Februari 2020,
tidak lewat jam 10.00 Pagi.

6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

7. Keterangan yang dicatatkan di dalam borang sebut harga tersebut hendaklah diisikan dengan lengkap dan teratur mengikut syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa ini. Setiap sebut harga hendaklah dicatat dengan angka yang jelas dan betul termasuk jumlah perkataannya.

8. Harga bagi setiap tawaran hendaklah tidak kurang daripada harga permulaan yang telah ditetapkan. Mana-mana tawaran yang kurang daripada harga yang ditetapkan besar kemungkinan tidak akan dipertimbangkan.

9. Sebut harga Tuan / Puan tidak akan dilayan dan dipertimbangkan jika :

9.1 Tidak membubuh **TANDATANGAN,**
CAP SYARIKAT (jika berkenaan) DAN



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG
YANG BERDAFTAR DALAM
KELAS : I & II KATEGORI : KA01 /
KP04 SAHAJA

KHEDN / BPE / Q1003 / 2020
Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan

Tarikh akhir mengambil dokumen
tawaran :
3 Februari 2020 (Isnin)

Tarikh tutup :
5 Februari 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1003 / 2020

Tajuk Projek :
TO DIVERT EXISTING POLY PIPE
LINE AT MINISTRY OF HOME
AFFAIRS BUILDING
BIL : KHEDN / BPE / Q1003 / 2020

Bilangan Projek :



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG YANG BERDAFTAR
DALAM KELAS : I & II KATEGORI :
E03 SAHAJA

Tarikh akhir mengambil dokumen
tawaran :
3 Februari 2020 (Isnin)

Tarikh tutup :
5 Februari 2020 (Rabu)

Bil. Tawaran :
KHEDN / BPE / Q1004 / 2020

Tajuk Projek :
OPERATION WORKS FOR
DECORATIVE LIGHTS ALONG
JALAN SULTAN HAJI OMAR ALI
SAIFUDDIEN
FOR NATIONAL DAY 2020
BIL : KHEDN / BPE / Q1004 / 2020

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / Q1004 / 2020

Yuran Tawaran :
Tidak dikenakan bayaran



JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

'INSPECTION AND
MAINTENANCE OF FIRE
PROTECTION SYSTEMS FOR
BUILDINGS OWNED BY
DEPARTMENT OF CIVIL
AVIATION.'

Bilangan Tawaran :
DCA / AFS / 2019 - 2020 / SH-18
Tarikh Tutup :
Selasa, 18 Februari 2020
tidak lewat jam
2.00 Petang,



JABATAN KEHAKIMAN
NEGARA, JABATAN
PERDANA MENTERI



BILANGAN SEBUT HARGA :
JKN / BPEA / SH / 2020 (1)

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN BAGI
BAANGUNAN MAHKAMAH BESAR
BRUNEI DAN
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH, BANDRA SERI
BEGAWAN, BAGI TEMPOH
12 BULAN

TARIKH TERAKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN :
12 FEBRUARI 2020

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 18 Februari 2020

PROGRAM PERKAMPUNGAN **SIVIK**

LEPASAN IJAZAH KALI KE-1 TAHUN 2020,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DAFTAR SEKARANG!

Taklimat & Forum •
Team Building @OBBD •
Lawatan •
Aktiviti Keagamaan •
Kerja Amal Kesukarelawanan •

BERMULA PADA :
8 hingga 13 Februari 2020

BERTEMPAT :
DAERAH TEMBURONG

Terbuka kepada lepasan ijazah :
Program Perkampungan Sivik merupakan salah satu aktiviti Jabatan Penerangan yang diperkenalkan sejak tahun 1976


Untuk keterangan lanjut sila hubungi :
Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Melalui telefon :
2383400 | Sambungan 310.

Sila imbas Kod QR

JABATAN PENERANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Kewajiban membayar hutang



BERTAQWALAH kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar taqwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepadanya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Agama kita mengajar kita umatnya bagaimana cara mengurus pendapatan dan perbelanjaan dengan betul iaitu dengan bersederhana. Kerana itu, jika kita menghayati dan mengikuti ajaran agama dalam soal berbelanja dan cara mengurus pendapatan, sudah pasti kita tidak akan terjebak dalam belenggu beban hutang yang banyak. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 67 :

Tafsirnya : "Dan mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil kedeuk dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka itu adalah sederhana antara kedua-duanya".

Walaupun agama kita tidak mlarang umatnya berhutang akan tetapi ia bukanlah suatu perkara yang digalakkkan. Kerana itu, agama Islam menasihatkan umatnya agar menjauhkan diri daripada hutang kecuali

kerana keadaan yang mendesak dan sangat memerlukan. Oleh itu, jika kita terpaksa juga berhutang, maka kita hendaklah berniat dan berazam untuk membayar hutang tersebut. Bukan sewenang-wenangnya berhutang, tetapi hendak membayarnya pula selalu bertangguh-tangguh dan adakalanya langsung tidak mahu membayar sehingga menyebabkan perkelahian dan permusuhan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ada mengajarkan doa supaya dilindungi dari hutang. Doa tersebut ialah :

Maksudnya : "Ya Allah sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu dari dosa dan hutang".

Adalah menjadi kewajiban bagi orang yang berhutang untuk membayar hutangnya itu sebagaimana perjanjian yang telah dipersetujui antara orang yang memberi hutang dan orang yang berhutang. Kewajiban membayar hutang ini termasuklah juga bagi pembayaran bil-bil yang tertunggak seperti bil air, bil elektrik, bayaran perumahan, dan seumpamanya.

Akan tetapi tidak dinafikan terdapat juga sebahagian orang yang berhutang tidak dapat membayar hutangnya disebabkan sumber kewangan yang kurang mencukupi. Walau bagaimanapun, mereka hendaklah sentiasa berusaha dan mencari ikhtiar untuk menjelaskan semua hutang yang ada. Ini kerana, Allah Subhanahu Waa'ala akan memberi kemudahan dan pertolongan kepada orang-orang yang ingin melunaskan hutangnya. Daripada Abdullah bin Ja'far, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Allah akan bersama (memberi pertolongan pada) orang yang berhutang (yang ingin melunasi hutangnya) sampai dia melunasi hutang tersebut selama hutang tersebut bukanlah sesuatu yang dilarang oleh Allah".

Ketahuilah, perbuatan memandang ringan kewajiban membayar hutang bukan sahaja akan menyusahkan si penghutang itu di dunia, bahkan akan mengheretnya kepada kerugian dan kesusahan di akhirat kelak apabila dia mati sebelum sempat

melunaskan hutang-hutangnya dan ahli-ahli warisnya pula tidak mahu bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang-hutang tersebut.

Sesungguhnya orang yang meninggal dunia dalam keadaan masih belum melunaskan hutangnya, pada hari kiamat kelak segala amal kebaikan dan kebajikannya akan diambil dan digunakan untuk melunaskan hutang-hutangnya. Seandainya belum juga mencukupi, maka segala dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh orang yang memberi hutang itu pula dipindahkan kepada orang yang berhutang tersebut. Daripada Ibni Amru Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang mati dalam keadaan masih memiliki hutang satu dinar atau satu dirham, maka hutang tersebut akan dilunasi dengan amal kebaikannya (di hari kiamat nanti) kerana di sana (di akhirat) tidak ada lagi dinar dan dirham".

Terdapat adab-adab yang boleh kita ikuti agar tidak terhimpit dengan beban tanggungan hutang yang banyak. Antaranya :

Pertama : Hanya berhutang sekiranya benar-benar terpaksa bagi keperluan yang penting dan tidak dapat dielakkan.

Kedua : Mengelakkan daripada menambah hutang sebelum terlunas hutang-hutang yang terdahulu.

Ketiga : Sekiranya telah tiba tempoh pembayaran dan kita belum mampu juga untuk melunaskan hutang tersebut, maka hendaklah berbincang dengan elok untuk meminta penangguhan.

Keempat : Memberi maklumat kepada pemutang dari semasa ke semasa dan memberi maklum balas, tidak mengelak apabila dihubungi, tidak mlarikan diri dan sentiasa berlaku baik kepada pemutang. Janganlah disebabkan belum mampu untuk membayar hutang, si pemutang dilayan bagai musuh atau orang asing. Ini kerana terdapat segelintir orang yang lari daripada membayar hutang, bersembunyi, tidak dapat dihubungi, tidak dapat dikesan dan bersikap acuh tidak acuh sehingga

tidak menyebabkan si pemutang pula yang terpaksa terbubut-bubut menagih hak mereka.

Kelima : Merancang perbelanjaan dengan lebih teliti dan mengutamakan keperluan-keperluan utama serta mengamalkan gaya hidup sederhana dan berbelanja dengan berhemah.

Keenam : Menjaga hubungan baik dengan pemutang. Dalam masa yang sama pemutang juga hendaklah berperasaan timbang rasa kepada yang berhutang yang benar-benar dalam kesulitan untuk melunaskan hutangnya.

Sebagai orang Islam, biarlah kita hidup dengan sifat *qanaah* iaitu hidup berpada-pada dan bersederhana dalam memenuhi keperluan hidup sehari-hari. Elakkankah diri kita daripada amalan suka berhutang, amalkanlah sikap bersederhana dalam berbelanja. Janganlah kita menurut kata hati dan hawa nafsu kerana berhutang itu memanglah mudah dan senang, akan tetapi membayarnya pula adalah amat berat dan sangat susah. Sama-sama kita berdoa "Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepadamu dari kedukaan dan kesudahan. Aku berlindung kepada-Mu dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada-Mu daripada sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada-Mu dari beban hutang dan penindasan manusia". Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan jika kamu sedang musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedang kamu tidak mendapati pencatat, maka hendaklah diadakan barang jaminan untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Jika sebahagian kamu mempercayai sebahagian yang lain hendaklah yang dipercayai itu menunaikan amanahnya (hutangnya) dan hendaklah dia bertaqwa kepada Allah tuhannya. Dan janganlah kamu (saksi-saksi) menyembunyikan perkara-perkara yang dipersaksikan itu dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya dia ialah orang yang berdosa hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan". (Surah Al-Baqarah, ayat 283).

UNISSA terima kunjungan delegasi Aceh



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menerima kunjungan daripada delegasi Himpunan Ulama Dayah Aceh (HUDA), Indonesia.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menerima kunjungan delegasi Himpunan Ulama Dayah Aceh (HUDA), Indonesia.

Kunjungan delegasi diketuai

oleh Ketua Umum HUDA, Tgk H Muhammad Yusuf A Wahab dan diiringi oleh Penolong Setiausaha HUDA, Tgk Muhammad Rizuan Haji Ali serta seramai 11 orang tenaga pengajar.

Rombongan delegasi dialukan oleh Pemangku Rektor

UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dan seterusnya menerangkan perkembangan kemajuan yang dicapai oleh UNISSA serta program-program yang ditawarkan di UNISSA.

Dalam sesi dialog dengan para delegasi, pihak UNISSA membuka ruang kepada

warga antarabangsa yang ingin mengikuti program-program yang ditawarkan, termasuklah dari Aceh.

Tujuan delegasi membuat lawatan adalah kerana begitu teruja untuk menghantar pelajar Aceh ke UNISSA agar dapat mendalamai lagi pemahaman akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Aliran Mazhab Al-Syafi

yang merupakan pegangan di Negara Brunei Darussalam.

HUDA setakat ini mempunyai sistem pendidikan tradisional yang menumpukan pengajaran Islam berpandukan kitab-kitab Turath dan sedang berusaha untuk memberikan pendidikan yang murni dalam menangani isu-isu global, terutama masalah penyelewengan akidah.

Sentiasa jaga imej mahkamah



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa melancarkan Buku Laporan Undang-Undang Syariah Brunei Kali Ke-2 (kiri), manakala gambar kanan, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syar'ie semasa menyampaikan hadiah dan sijil kepada salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Dalam merangka perancangan-perancangan tindakan dan pengurusan bagi tahun 2020, seluruh warga Mahkamah-Mahkamah Syariah diingatkan dan ditekankan agar sentiasa peka dalam menjaga integriti diri masing-masing dalam menjalankan setiap tugas yang diamanahkan serta untuk sentiasa menjaga imej Mahkamah selaku institusi kehakiman yang dipandang tinggi oleh masyarakat dalam menegakkan keadilan mengikut hukum syara', lebih-lebih lagi setelah pelaksanaan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013.

"Apa yang saya harapkan adalah agar setiap warga Mahkamah Syariah tidak kiralah hakim-hakim, pegawai-pegawai malah kakitangan Mahkamah Syariah keseluruhannya akan

sentiasa menjaga amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita semua dalam menjalankan tugas lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan hukum Allah Subhanahu Wata'alá," tegas Ketua Hakim Syar'ie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah Tahun 2020 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan, pagi tadi.

Jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat, setiap tindakan dan keputusan yang dibuat hendaklah dipandang serius dan tidak

ANTARA yang hadir pada Majlis Perhimpunan Tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah Tahun 2020.

dipandang remeh kerana jika perkara tersebut tidak diambil perhatian dan dipandang ringan sahaja maka ianya akan turut sama menjelaskan reputasi dan imej Mahkamah malahan juga akan menjelaskan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan dan keputusan Mahkamah.

Yang Amat Arif / Yang Berhormat juga mengongsikan perangkaan kes-kes Mahkamah-Mahkamah Syariah dan perkhidmatan pelanggan bagi tahun 2019.

Menurut Yang Amat Arif / Yang

Berhormat, dengan melihat daripada penurunan purata penyelesaian kes-kes Mal dan Jenayah di Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah pada tahun 2018 dan tahun 2019 yang lalu, adalah penting juga bagi pihak Mahkamah untuk memastikan punca kepada penurunan purata penyelesaian kes tersebut agar dapat ditangani.

Terdahulu, Pemangku Ketua Pendaftar, Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias, yang juga selaku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara dalam ucapan



al-u-luannya menyentuh mengenai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Pihak Pengurusan Mahkamah dalam usaha meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan kepada semua pelanggan dari semasa ke semasa, iaitu dengan mewujudkan satu kaunter khas bagi pengambilan borang-borang, dokumen mahkamah serta pertanyaan bagi orang ramai yang berurusan di Mahkamah Syariah Daerah Brunei dan Muara.

"Tujuan utama kaunter khas ini diwujudkan adalah bagi memenuhi Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR), khususnya dalam memberikan perkhidmatan kaunter Mahkamah Syariah Daerah Brunei dan Muara agar lebih efisien dan menjimatkan masa orang ramai yang berurusan di Mahkamah Syariah dan telah menunjukkan keberkesanan yang boleh dikatakan mencapai 99 peratus," jelas beliau lagi.

Majlis juga diselanjurkan dengan pelancaran dan perasmian Buku Laporan Undang-Undang Syariah Brunei Kali Ke-2 yang disempurnakan oleh Yang Amat Arif / Yang Berhormat.

Buku tersebut mengandungi penghakiman kes-kes tertib bagi keputusan kes-kes di peringkat Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

Diikuti dengan penyampaian Sijil Mediasi kepada peserta-peserta yang telah mengikuti Bengkel Mediation Training Course Programme selama lima hari yang telah diadakan pada 28 Oktober 2019.

Majlis merupakan aktiviti tahunan Mahkamah-Mahkamah Syariah yang bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan warga Mahkamah-Mahkamah Syariah bersatu padu, bersemangat dan berilizitam dalam melaksanakan tugas bagi sama-sama mendukung dan menjayakan Visi dan Misi Mahkamah-Mahkamah Syariah.

Pencapaian Peperiksaan BC G.C.E 'O' Level, IGCSE meningkat

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan mengeluarkan Keputusan Peperiksaan Brunei - Cambridge G.C.E 'O' Level serta Peperiksaan IGCSE Oktober / November 2019.

Pencapaian calon Peperiksaan Brunei - Cambridge G.C.E 'O' Level / IGCSE pada tahun ini, iaitu daripada seramai 6,147 calon yang menduduki Peperiksaan Peringkat 'O', termasuk Peperiksaan IGCSE, seramai 1,164 atau 18.94 peratus memperoleh lapan hingga 11 'O' Level, meningkat sebanyak 0.56 peratus dan seramai 2,525 calon atau 41.08 peratus memperoleh lima hingga 11 'O' Level meningkat sebanyak 1.67 peratus.

Manakala calon yang memperoleh sekurang-kurangnya empat 'O' Level ke atas ialah seramai 2,987 atau 48.59 peratus menunjukkan peningkatan sebanyak 1.16 peratus, berbanding dengan pencapaian calon tahun 2018.

Daripada seramai 6,029 calon sekolah yang terdiri daripada

sekolah kerajaan dan swasta, 2,524 atau 41.86 peratus calon memperoleh sekurang-kurangnya lima 'O' Level dengan

peningkatan sebanyak 1.20 peratus daripada pencapaian tahun sebelumnya. Manakala seramai 2,985 atau 49.51 peratus calon memperoleh sekurang-kurangnya empat 'O' Level, di mana pencapaian ini meningkat sebanyak 0.59 peratus daripada tahun 2018.

Seramai 309 calon sekolah (5.13 peratus) mendapat Gred 'A' dalam lima hingga 11 mata pelajaran. Seramai 30 calon (0.49 peratus) menunjukkan keputusan cemerlang dengan pencapaian Agregat 6, Gred 'A' dalam enam hingga sembilan mata pelajaran. Pencapaian ini meningkat sebanyak 1.33 peratus, berbanding pada tahun 2018.

Di samping itu, seramai 13 calon (0.22 peratus) mendapat Gred 'A' dalam sembilan mata pelajaran, yang terdiri daripada tiga calon daripada sekolah kerajaan. Sementara itu, 39 calon (0.65 peratus) mendapat Gred 'A' dalam lapan mata pelajaran, yang terdiri daripada 13 calon dari sekolah kerajaan. Seramai 70 calon (1.16 peratus) beroleh Gred

'A' dalam tujuh mata pelajaran, 82 calon (1.36 peratus) mendapat Gred 'A' dalam enam mata pelajaran dan 102 calon (1.69 peratus) mendapat Gred 'A' dalam lima mata pelajaran.

Bagi calon sekolah kerajaan, seramai 893 atau 16.81 peratus memperoleh lapan hingga 11 'O' Level, iaitu peningkatan sebanyak 0.72 peratus, berbanding pencapaian pada tahun lalu. Daripada 5,313 calon sekolah kerajaan, seramai 2,020 atau 38.02 peratus mendapat sekurang-kurangnya lima 'O' Level. Pencapaian ini meningkat sebanyak 1.33 peratus, berbanding pada tahun 2018.

Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (B) mengekalkan prestasi pencapaian 100 peratus lulus seperti tahun 2018 dalam memperoleh sekurang-kurangnya lima 'O' Level. Sementara sebuah sekolah mencapai 91.24 peratus dan sebuah sekolah lagi mencapai 84.62 peratus dalam memperoleh sekurang-kurangnya lima 'O'

Level. Sebanyak 29 daripada 49 buah sekolah, yang terdiri daripada 21 buah sekolah kerajaan dan lapan buah sekolah swasta menunjukkan peningkatan di antara 1.44 peratus hingga 17.41 peratus berbanding pencapaian tahun 2018.

Pada tahun 2019 ini juga

terdapat seramai 741 calon yang mengikuti Program Pendidikan Menengah General 4 Tahun (Tahun 10), iaitu yang mengikuti dua tahun menengah bawah dan dua tahun menengah atas.

Daripada jumlah ini, seramai 663 atau 89.47 peratus adalah calon dari sekolah kerajaan. Jumlah calon sekolah menengah kerajaan yang memperoleh lapan hingga 11 'O' Level adalah 420 calon atau 63.35 peratus. Manakala seramai 605 calon sekolah menengah kerajaan atau 91.25 peratus memperoleh sekurang-kurangnya lima 'O' Level dan seramai 625 calon atau 94.27 peratus berjaya memperoleh sekurang-kurangnya empat 'O' Level ke atas.

Manakala dalam pencapaian dalam mata pelajaran B - C GCE 'O' Level dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE), di mana pada keseluruhannya prestasi calon dalam mata pelajaran B - C GCE 'O' Level yang mendapat Gred 'A' - 'C' bagi 14 daripada 28 mata pelajaran adalah meningkat, iaitu Pengetahuan Ugama Islam, English Language, Mathematics Syl. D, Biology, Physics, Literature in English, Ulum Al-Quran, History (2171), Computer Science, Geography, Economics, Bahasa Arab, Commerce and Principles of Account dengan peningkatan

di antara 0.59 peratus hingga 18.04 peratus.

Bagi Peperiksaan IGCSE, pencapaian mata pelajaran Enterprise adalah meningkat sebanyak 0.75 peratus, berbanding tahun 2018.

Penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut boleh mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing pada waktu sekolah, manakala calon-calon persendirian bolehlah mengambil slip keputusan masing-masing di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan pada waktu pejabat dibuka. Dimaklumkan juga kepada penuntut-penuntut dan orang ramai yang layak dan berhasrat untuk menduduki Peperiksaan B - C G.C.E 'O' Level / IGCSE dalam bulan Mei / Jun tahun 2020 ini, hendaklah mendaftar dengan secepat mungkin, terus ke sekolah masing-masing atau Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan (bagi calon persendirian) pada waktu pejabat dibuka.

Tarikh tutup pendaftaran peperiksaan bulan Mei / Jun bagi calon-calon persendirian adalah pada Khamis, 15 Februari 2020. Manakala bagi calon-calon sekolah hendaklah menghadapkan permohonan melalui sekolah masing-masing.

Suruhanjaya Tinggi India hulur sumbang



Jangan pandang alat muzik tradisional sebelah mata

PERANAN alat muzik tradisi yang lebih banyak dilihat sebagai pelengkap kepada sesuatu seni persembahan menenggelamkan kepentingannya yang pernah dibawa dalam membentuk aspek masyarakat dan budaya terdahulu.

Tidak sah sesuatu seni persembahan sekiranya tidak diiringi alat muzik tradisi daripada wayang kulit hingga ke dondong sayang, peranannya tidak pernah dipandang sebagai penting. Sejarah alat muzik yang sudah bermula sejak era prasejarah memperlihatkan bagaimana ia berkait dengan pelbagai sisi dalam kehidupan manusia termasuk dalam sistem kepercayaan dan struktur sosial masyarakat. Penciptaan alat muzik menyaksikan ia membawa peranan yang besar dalam tradisi kepercayaan masyarakat sehingga mereka mencipta pelbagai instrumen muzik. Apa Pendapat Biskita pada kali ini cuba mengungkap mengenai muzik tradisional dan sejauh mana ia mampu mempengaruhi generasi modern sekarang yang lebih peka kepada industri muzik dan peralatan muzik moden.

"Muzik tradisional secara amnya digunakan sebagai lambang budaya sesuatu bangsa selain daripada tujuan untuk hiburan dan mengiringi upacara-upacara adat tertentu. Di negara ini, alat muzik banyak digunakan dalam seni persembahan termasuk nyanyian dan tarian berbanding upacara keagamaan tetapi peranannya masih lagi penting kerana bukan saja bagi menghasilkan irama dan rentak, bahkan menyuntik pelbagai emosi yang pelbagai dalam persembahan. Gabungan ritma dan intonasi muzik yang murni bergabung menjadi suatu melodi yang istimewa. Muzik tradisional di negara kita mempunyai latar belakang yang menarik, peralatan muzik yang berlainan dan dimainkan sesuai dengan panorama tertentu. Muzik tradisional kita tidak akan lapuk dek zaman kerana masih lagi ada penggemar-penggemar muzik tradisional yang memperjuangkan irama ini. Generasi muda perlu sentiasa menghargai dan terus berusaha untuk memelihara khazanah muzik tradisional yang terdapat di negara ini yang membuatkan kita berbeza dari negara lain". - **Sahfiee MS, BSB.**

"Sebenarnya, rakyat kita memainkan peranan penting dalam menjaga alat muzik tradisional. Anjakan paradigma mestilah kita ambil agar permainan ini tidak hilang ditelan zaman. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna. Janganlah kita merindui alat muzik tradisional selepas permainan ini pupus ditelan zaman. Oleh itu, langkah mempopulkarkannya seperti kompen dan pertandingan orkestra alat muzik tradisional merupakan rencana maslahat untuk mempertahankannya. Langkah tersebut penting supaya ahli masyarakat mendapat pendedahan dan mempelajari alat muzik tradisional yang terdapat di negara kita dalam sepanjang kompen dan pertandingan dijalankan kerana tak kenal, maka tak cinta. Dengan langkah proaktif tersebut, kita dapat memastikan permainan alat muzik tradisional mampu menjadi warisan budaya untuk generasi yang akan datang". - **Hajah Kamariah binti Haji Mohammad, Kiarong.**

"Alat muzik tradisional memainkan peranan penting sebagai lambang keagungan bangsa dan negara tercinta. Tanpa melihat warna kulit maupun agama, permainan alat muzik tradisional dilihat sebagai permainan rakyat yang dapat menghidupkan kesuburan norma kehidupan murni. Kini, kerajaan sudah pun menjadikan permainan alat muzik tradisional sebagai platform untuk menarik kedatangan pelancong asing ke negara kita. Permainan alat muzik tradisional merupakan sejenis pendidikan tidak formal yang amat tinggi nilainya. Hal ini demikian kerana kita dapat mematangkan pemikiran di samping membijakkan otak untuk berfikir secara kritis dan kreatif semasa memainkan permainan alat muzik tradisional. Yang indahnya, kita dapat memupuk dan menyemai nilai-nilai murni dalam kalangan rakyat sesebuah negara supaya lebih cinta akan negara daripada dijajah oleh anasir jahat dari luar. Naijiahnya, kita harus sedar bahwa permainan alat muzik tradisional dapat mengukuhkan semangat perpaduan nasional dalam kalangan rakyat supaya mereka sedar bahawa 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh'. Apa yang lebih pentingnya mengenai dengan permainan muzik tradisional tersebut di mana ia aruslah diperkembangluaskan lagi dengan menyalurkan permainan alat muzik tradisional ini ke ECA sekolah-sekolah atau persatuan muzik tradisional bagi membolehkan generasi moden sekarang peka akan kewujudan peralatan dan muzik tradisional yang sudah lama wujud sejak zaman nenek moyang kita dahulu lagi". - **Fadzillah Haji Abu Bakar, Manggis.**

Bagi pandangan saya sebagai penulis di ruangan Apa Pendapat Biskita kali ini, warisan kebudayaan dan kesenian tanah air perlu dipelihara dan dipertahankan supaya dapat terus dihayati dan dibanggakan sebagai warisan negara pada masa akan datang tak kiralah apa jua bentuk seni warisan tersebut, baik berupa permainan muzik tradisional, tarian tradisional atau permainan tradisional sekalipun. Ke arah itu, negara memerlukan golongan muda yang dapat mengangkat dan membawa seni kreatif tanah air ke tahap yang lebih tinggi. Oleh itu, kita juga perlu pelbagai program yang berbentuk kebudayaan dan kesenian yang dapat diperbanyakkan kerana ia merupakan medium terbaik untuk melahirkan tokoh bertaraf antarabangsa. Namun, di negara kita muzik tradisional tidak akan lapuk dek zaman kerana masih lagi ada penggemar-penggemar muzik tradisional yang memperjuangkan irama ini. Generasi muda perlu sentiasa menghargai dan terus berusaha untuk memelihara khazanah muzik tradisional yang terdapat di negara ini dan rantau Asia Tenggara kerana ia mencerminkan identiti masyarakat serantau. Selain itu, mereka seharusnya menyampaikan kepada seluruh rakyat di negara ini kerana perbuatan seperti itulah yang akan membangkitkan seni muzik tanah air. Terdapat pelbagai cara untuk menghebohkan perkara tersebut. Antaranya ialah membuat satu persembahan di khalayak ramai atau mengadakan konsert dan pameran serta mengadakan bengkel muzik tradisional. Oleh itu, masyarakat kita akan lebih mengetahui tentang muzik tradisional yang terdapat di negara kita.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Jadikan Hobi Sumber Penghasilan
- ii. Hargai Kraf Tangan Tempatan



PESURUJAYA Tinggi India ke Negara Brunei Darussalam menyerahkan set buku-buku yang diterima oleh Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BENGKURONG, Khamis, 30 Januari. - Dalam menghargai usaha yang dilakukan oleh Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam,

Suruhanjaya Tinggi India di Negara Brunei Darussalam menghadiahkan set buku-buku bagi kegunaan para pelajar di pusat



ANTARA persembahan daripada para pelajar pusat berkenaan pada majlis tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2020
2. 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2020
3. 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Lebih 1.1 juta haiwan terbunuh akibat plastik!



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam menyatakan, Kedutaan Republik Turki akan mengadakan Pameran Kesedaran Pencemaran Marin 2020 yang turut dijayaikan bersama Cecilia Lee (kiri). Manakala gambar kanan, antara gambar yang dipamerkan bermula 1 hingga 8 Februari 2020, di Kedutaan Republik Turki, Kampung Manggis Satu tersebut.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kajian menunjukkan bahawa lebih daripada 8.3 bilion tan plastik dihasilkan sejak awal 1950-an, di mana separuh daripadanya dihasilkan dalam 15 tahun yang lalu.

Pengeluaran tersebut meningkat dengan cepat, iaitu dari 2.3 juta tan pada tahun 1950 kepada 448 juta tan pada tahun 2015 dan ia dijangka terus meningkat dua kali ganda menjelang tahun 2050.

Kira-kira 79 peratus daripada plastik tersebut akan dibuang ke tempat pembuangan sampah, tapak pelupusan atau persekitaran semula jadi, manakala hanya sembilan peratus daripada semua

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Pendidikan
Kokurikulum,
Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Khamis, 30 Januari. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan dengan kerjasama Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam mengadakan Kursus Skim Kepanduan Fasa 1 Tahun 2020 selama tiga hari bermula 27 sehingga 29 Januari 2020 lalu bertempat di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam.

Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil diadakan di tempat tersebut. Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil tersebut adalah Pegawai Pelajaran Kanan / Ketua Unit Beruniform dan Perkhidmatan Kemasyarakatan, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Rosedianah binti Haji Hidop. Juga hadir ialah Ketua Pesuruhjaya Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam, Dayang Hajah Siti Afsah binti Haji Abdul Halim.

Seramai 30 orang (pemimpin dewasa) daripada 12 buah sekolah menengah dan mакtab-maktab kerajaan dan swasta serta enam orang (pemimpin muda) dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

sisa plastik tersebut dikitar semula.

Akibatnya, jutaan haiwan terbunuh oleh plastik setiap tahun seperti burung, ikan dan organisme laut yang lain, yang mana dianggarkan bahawa plastik membunuh lebih daripada 1.1 juta burung laut dan haiwan setiap tahun.

Pecahan plastik pula akan menjadi kepingan kecil di laut, yang kemudiannya dimakan oleh ikan dan haiwan laut lain, mengakibatkan manusia secara purata memakan kira-kira 70,000 mikroplastik setiap tahun.

Sehubungan itu, dalam usaha memberi kesedaran kepada orang ramai untuk menjaga persekitaran

marin, Kedutaan Republik Turki akan mengadakan Pameran Kesedaran Pencemaran Marin 2020 bermula 1 hingga 8 Februari 2020 bertempat di Kedutaan Republik Turki, Kampung Manggis Satu.

Petang tadi, pihak media

dijemput untuk menyaksikan terlebih dahulu pameran tersebut yang mana menurut Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun, pameran tersebut dijayaikan bersama Cecilia Lee yang merupakan penyelam komersial yang diperakui sejak tahun 1991, memiliki pelbagai sijil penyelaman air yang dikeluarkan oleh Professional Association of

Diving Instructors (PADI).

Tuan Yang Terutama turut menjelaskan pameran tersebut akan memperlihatkan gambar yang diambil di lautan Hindi dan lautan Asia-Pasifik oleh Cecilia Lee semasa menjalankan ekspedisi penyelamannya sendiri.

Pameran yang dibuka kepada orang ramai bermula 2 Februari

tersebut akan diisikan dengan beberapa sesi taklimat yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Richard Lindsay; Ketua Projek Strayholders, Dayang Noor Amal Azirah binti Haji Azlan; Isabel Lopes; Dr. N. Yunitasari dan Cecelia Lee.



ANTARA yang dipamerkan.

Peserta kursus terima sijil



DAYANG Hajah Rosedianah binti Haji Hidop dan Dayang Hajah Siti Afsah binti Haji Abdul Halim bergambar ramai bersama para peserta.

Begawan telah menyertai kursus tersebut.

Kursus yang bertema 'Diversiti, Kesaksamaan dan Keterangkuman' itu bertujuan

untuk mengenali Skim Kepanduan Fasa 1 bagi bulan Januari hingga Mei. Seterusnya, mengenali dan mempelajari kaedah-kaedah terkini dalam Pendidikan

Kepanduan sebagai kaedah alternatif buat pemimpin (Guru Pengawas) dan Pemimpin Muda dalam mengepalai pasukan peringkat nasional dan masing-masing.

Akhir sekali, ia juga bertujuan untuk sesi kongsi sama aktiviti-aktiviti pandu puteri peringkat nasional dan antarabangsa.

**Kenali
Negara
Kitani**

Memartabatkan Dikir Syarafil Anam

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Awang Morney Ahmat

RUANG Kenali Negara Kitani kali ini bertandang ke Kampung Pandan 'B', yang terletak di Daerah Belait, di mana penamaan kampung ini dibuat setelah Kampung Pandan dipecahkan kepada tiga bahagian, iaitu Kampung Pandan 'A', Kampung Pandan 'B' dan Kampung Pandan 'C'.

Kampung ini aktif mengungkayahkan sesi latihan Dikir Syarafil Anam yang diadakan di Masjid Kampung Pandan, setiap Selasa dan Rabu selepas menuai Solat Fardu Maghrib dengan sesi latihan dikendalikan oleh Pemangku Ketua

Kampung Pandan 'B' sendiri, iaitu Awang Morney bin Ahmat.

Kegiatan ini pada mulanya dicadangkan oleh mantan Ketua Kampung Pandan 'B' yang terdahulu, iaitu Awang Haji Abd Malik bin Abu Bakar.

Ketika ini lebih 45 lelaki dan lebih 30 perempuan mengikuti latihan tersebut. Ia berjaya menarik minat bukan sahaja dalam kalangan penduduk Kampung Pandan 'B', malahan juga luar dari kampung tersebut.

Dengan adanya latihan-latihan ini maka Kumpulan Dikir Masjid Rancangan

Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait pun ditubuhkan, di mana bukan sahaja terdiri daripada penduduk Kampung Pandan 'B', tetapi juga disertai oleh penduduk kampung dari Daerah Belait yang lain.

Kampung Pandan 'B' ini pernah mengungkayahkan Bengkel Dikir Syarafil Anam (Dikir Brunei Lama) bagi Majlis Perundingan Kampung Daerah Belait anjuran Majlis Perundingan Kampung Pandan 'B' dengan kerjasama Bahagian Institusi Mukim dan Kampung Jabatan Daerah Belait Tahun 1434 / 2012 pada 24, 26 dan 27 Disember 2012.

Pasukan ini juga pernah memenangi Pertandingan Dikir Syarafil Anam Seluruh Negara Tahun 2015, iaitu johan bagi lelaki manakala bagi wanita pula menduduki tempat ketiga. Manakala pada tahun 2018,

pasukan dikir lelaki berjaya menduduki tempat ketiga pada Pertandingan Dikir Syarafil Anam antara Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seluruh Negara Peringkat Akhir.

Pasukan ini juga lazim dipanggil untuk memeriahkan majlis-majlis perkahwinan dan Mandi Belawat. Selain itu, mereka juga pernah membuat persembahan di luar negara, iaitu di Sambas, Indonesia.

Dikir Syarafil Anam merupakan satu khazanah warisan orang Brunei yang amat berharga. Lazimnya, dikir ini yang menyemarakkan dan menghidupkan malam-malam menjelang 12 Rabiulawal setiap tahun. Oleh itu segenap lapisan masyarakat di negara ini adalah digalakkan untuk mempelajari dikir ini dengan lebih baik dan berkesan kerana dikir ini mempunyai pelbagai lagu dan irama yang lunak serta merdu.



Optimumkan penghayatan penuntut



ANTARA pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong yang ikut serta dalam segmen Kuiz Kenegaraan.

TEMBURONG, Khamis, 30 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian

Kenegaraan dan Kemasyarakatan hari ini mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja kita, Menghayati Lagu Kebangsaan dan

Bendera Negara' di Dewan Belalong, Kompleks Kemasyarakatan Pekan Bangar, Temburong.

Program dihadiri oleh Guru-guru kanan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong, Pelajar-pelajar Tahun 7 SMSHBT dan Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Penerangan.

Program berkenaan disasarkan kepada Pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong.

Acara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Guru Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Awang Md. Saidi bin Duraman.

Diteruskan dengan Taklimat Kenegaraan 'Raja kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan' yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong,

Berita dan Foto :
Muhammad Akmal Haji Ali

Awang Ah Chua bin Bangau.

Program diteruskan dengan tayangan Video Klip terbitan Jabatan Penerangan bertajuk 'Kibarkan bendera Negara dengan megah' dan segmen kuiz kenegaraan.

Penyampaian Sijil Penghargaan daripada Jabatan Penerangan kepada Guru Kanan Kewangan Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong, Awang Khairul Faisal Ismail mengakhiri program tersebut.

Objektif Taklimat Kenegaraan ini ialah untuk mengoptimalkan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).



PEMANGKU Ketua Cawangan Penerangan Daerah Temburong semasa menyampaikan taklimat.

berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Selain itu, taklimat tersebut juga diharatkkan dapat menyemai perasaan cintakan bangsa, agama, raja dan negara.



PARA pelajar Tahun 7 Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong yang hadir mendengarkan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja kita, Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara' (kiri sekali dan kiri).

Mendekati kehidupan pelarian Syria



PRESIDEN KamiPrihatin; dan ahli KamiPrihatin pada Sesi Perkongsian 'SWW2.0 Mission' sempena Projek Syrian Warm Winter 2.0 yang diadakan di 934 Café, Serusop.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan KamiPrihatin (WeCare)

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Bagi memberi gambaran kepada orang ramai mengenai kehidupan sebagai pelarian, di samping meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai konflik berterusan

yang menjelaskan Syria dengan harapan lebih ramai yang menyumbang untuk membantu pelarian Syria di Turki, Persatuan KamiPrihatin (WeCare) mengadakan Sesi Perkongsian 'SWW2.0 Mission' sempena

Projek Syrian Warm Winter 2.0, diadakan di 934 Café, Serusop.

Sesi Perkongsian tersebut memaparkan perkongsian eksklusif daripada dua wakil KamiPrihatin ke Turki, iaitu Presiden KamiPrihatin, Muhd. Akmal bin Haji Marsidi dan ahli KamiPrihatin, Nor Aliyyah binti Haji Mail.

Dihadar oleh ramai yang menghadiri sesi tersebut akan lebih memahami perjuangan sebenar yang memberi kesan kepada pelarian Syria terutamanya semasa musim sejuk.

KamiPrihatin kini mengendalikan projek untuk mengumpul BND200,000 untuk 40,000 pelarian Syria.

Projek tersebut dibuka bermula pada 6 November 2019 dan akan ditutup pada 31 Januari 2020.

Sumbangan juga bolah dibuat melalui Aplikasi BIBD - Pembayaran Bil, bayaran Progresif atau Mesin Deposit Tunai.

Sumbangan yang dikumpul akan disalurkan untuk pembelian barang yang diperlukan oleh pelarian Syria di Lebanon, Turki pada musim sejuk ini seperti bahan bakar, kelengkapan musim sejuk, rumah dan makanan.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial @wecare.bn atau hubungi talian WeCare di +673 8328319.

Lakukan pemeriksaan awal cegah Kanser Payudara

Siaran Akhbar : Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC)

JERUDONG, Khamis, 30 Januari. - Kanser Payudara merupakan salah satu faktor risiko utama penyebab kematian di Negara Brunei Darussalam.

Kira-kira 130 wanita daripada 510 kes didiagnosis Kanser Payudara sepanjang hayat dan 24 wanita daripada 510 kes mati akibat Kanser Payudara.

Secara klinikal, melakukan Mammogram atau Ultrasound Breast adalah cara yang disyorkan untuk mengesan Kanser Payudara.

Mammogram adalah alat pemeriksaan awal mengesahkan Kanser Payudara dan pemeriksaan gold standard mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) untuk wanita berusia 40 tahun ke atas.

Pemeriksaan yang dilakukan setiap tahun bermula dari umur 40 tahun adalah strategi terbaik untuk menghindari peringkat awal Kanser Payudara. Manakala Ultrasound pula bertindak seperti Mammogram yang berupaya mengesan Kanser Payudara pada wanita, dan ia lebih tepat dalam mengesan beberapa kes.

Namun begitu, Mammogram masih disarankan bagi pemeriksaan tumor dan juga keabnormalan lain pada payudara.

Kanser Payudara adalah kanser yang sering berlaku pada wanita dan kanser kedua yang paling umum secara keseluruhan seperti yang dinyatakan dalam Institut Penyelidikan Kanser Amerika.

Untuk memastikan dan mengekalkan kesihatan payudara, Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) menyediakan penjagaan pesakit yang dilengkapi dengan kemudahan pemeriksaan canggih.

Bersempena dengan Hari Kanser Payudara Sedunia yang disambut pada 4 Februari setiap tahun, Jabatan Pengimejan Diagnostik, JPMC menawarkan promosi Saringan Payudara untuk wanita dari semua peringkat umur bermula dari 3 Februari 2020 hingga 14 Mac 2020.

Jabatan Pengimejan Diagnostik dibuka dari Isnin hingga Jumaat dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 petang, dan dari 1.00 petang hingga 5:00 petang (12.00 hingga 2.00 petang untuk solat Jumaat).

Bagi hari Sabtu, klinik dibuka dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 malam sahaja.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut atau untuk membuat tempahan, sila hubungi Jabatan Pengimejan Diagnostik di talian +673 261 1433 sambungan 2223 / 2246.

Orang juga boleh melayari dan ikuti Instagram @jpmcbrunei untuk maklumat lanjut.

Sukan

INFO SUKAN

ACARA larian Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Bridge Charity Run 2020 bersempena Brunei December Festival 2019 pada 26 Januari 2020 disertai lebih 100 peserta yang berlangsung di sekitar Taman Mahkota Jubli Emas itu dibahagikan kepada empat kategori, iaitu Larian Terbuka 10km; Larian Veteran 40 tahun ke atas 10km; Fun Run 3km; dan Kategori Fun Cycle 3km.



ePaper Pelita Brunei

MOH, MOE melangkah ke peringkat akhir

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

AKSI-AKSI menarik pada Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian Kali Ke-26 sempena Hari Perkhidmatan Awam, Tahun 2019 di Peringkat Separuh Akhir (bawah kiri, bawah sekali dan kanan), sementara bawah kanan, antara penonton yang hadir dan memberikan sokongan kepada pasukan yang bertanding.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 31 Januari. - Pasukan-pasukan Bola Jaring Kementerian Pendidikan (MOE) dan Kementerian Kesihatan (MOH) akan bersaing bagi merebut gelaran juara pada Peringkat Akhir Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian Kali Ke-26 sempena Hari Perkhidmatan Awam, Tahun 2019 setelah menewaskan lawan, masing-masing pada Peringkat Separuh Akhir Kejohanan tersebut.

Pada perlawanan Peringkat Separuh Akhir pertama, berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Hassanal

Bolkiah, di sini, MOE beraksi cemerlang, setelah menewaskan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kiraan, 40 – 16.

MOE bermula dengan baik dengan mendahului, 14 – 3 pada suku pertama, dan menambah lagi tujuh mata pada suku kedua dengan jaringan, 21 – 5.

Masuk suku ketiga, MOE mengekalkan momentum permainan dengan mendahului, 30 – 13 dan terus menambah jaringan, 40 – 16 untuk mara ke peringkat, seterusnya selepas menewaskan MOFE.

Sementara itu, pada perlawanan

Peringkat Separuh Akhir kedua di antara MOH dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyaksikan aksi sengit di antara kedua-dua pasukan.

Suku masa pertama menyaksikan pasukan JPM mendahului perlawanan dengan jaringan, 6 – 5 dan terus mendahului perlawanan pada suku masa kedua dengan jaringan, 12 – 11.

Namun, masuk suku masa ketiga, MOH bijak mengatur strategi permainan dengan

mendahului, 21 – 17 dan terus mengekalkan kedudukan untuk layak ke peringkat akhir setelah menewaskan JPM dengan jaringan, 30 – 26.

Perlawanan seterusnya akan diadakan pada Ahad, 2 Februari 2020, di tempat yang sama bermula jam 2.00 petang.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir menyaksikan kejohanan tersebut bagi memberikan sokongan kepada pasukan yang bertanding.

Tahukah Awda

NEGARA Brunei Darussalam mengekalkan kedudukannya sebagai salah satu daripada 10 Pasaran Kewangan Islam teratas daripada 131 negara seperti yang dilaporkan dalam ICDRefinitiv Islamic Finance Development Report 2019 : Shifting Dynamics.

Laporan ini mengambil kira data keseluruhan bagi tahun 2018, di mana menempatkan negara ini pada kedudukan kesepuluh pada tahun ini dengan skor 45 mata, dalam Islamic Finance Development Indicator (IFDI), dan juga di tempat ketiga di ASEAN selepas Malaysia dan Indonesia.

SUMBER : Siaran Akhbar Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 29 Januari 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'ELAK DIRI DARIPADA AMALAN SUKA BERHUTANG, AMAL SIKAP BERSEDERHANA BERBELANJA'

دتربيتكن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان دچيتف اوله جباتن فرچيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam